

08 DEC 1998

UMNO EDAR PITA RAKAMAN MESYUARAT PEMECATAN ANWAR AHAD INI

KUALA LUMPUR, 8 Dis (Bernama) -- Pita kaset rakaman perbincangan pada mesyuarat Majlis Tertinggi Umno pada 3 Sept lepas yang memutuskan memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada parti akan diedar mulai Ahad ini.

Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Sabbaruddin Chik berkata hari ini usaha sedang dibuat oleh ibu pejabat parti untuk menyiapkan salinan pita rakaman itu Ahad ini, sempena perhimpunan agung khas parti itu bagi meminda perlembagaan Umno.

Majlis Tertinggi yang bermesyuarat malam tadi bersetuju supaya keseluruhan rakaman perjalanan mesyuarat 3 Sept itu diedarkan kepada umum agar rakyat mengetahui apa yang sebenarnya berlaku pada malam itu.

Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat kira-kira tiga jam malam tadi, bahawa Majlis Tertinggi bersetuju supaya rakaman asal perbincangan mesyuarat yang memutuskan Anwar dipecat daripada Umno itu diedarkan kepada umum.

Katanya keputusan itu dibuat berikutan adanya penyebaran pita kaset rakaman mesyuarat itu, yang telah disunting dengan memadamkan sebahagian daripada ucapan Anwar pada mesyuarat itu sebagai usaha membersihkan imej Anwar.

Sabbaruddin yakin jika semua urusan berjalan lancar pita asal perjalanan mesyuarat itu akan dapat diedarkan pada hujung minggu ini.

Salinan asal rakaman mesyuarat itu mengandungi empat pita.

-- BERNAMA

SJA NMO